

## RUJUKAN TEKNIKAL AKTA SETEM 1949 2.0004.0001 [2003]

Tarikh Kemaskini : 24-08-2011

P.U. (A) 58. PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2003 [Suratcara yang disempurnakan berkaitan dengan pembelian suatu rumah kos rendah.] [Pembatalan Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 39) 2002 P.U.(A) 425/2002.]



MALAYSIA

### Warta Kerajaan SERI PADUKA BAGINDA DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 47 20hb Februari 2003 Tambahan No. 21  
No. 4 Perundangan (A)

**P.U. (A) 58**  
**AKTA SETEM 1949**

### **PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2003**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 2) 2003.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2002.

## Pengecualian

2. (1) Surat cara yang dinyatakan dalam Jadual yang disempurnakan berkaitan dengan pembelian suatu rumah kos rendah dikecualikan daripada duti setem.
- (2) Bagi maksud subperenggan (1), "rumah kos rendah" ertiinya satu unit rumah yang dibina dalam suatu projek Perumahan Kos Rendah yang diluluskan oleh suatu Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa berkenaan, berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan atau Putrajaya dan—

- (a) sekiranya terletak di Semenanjung Malaysia, dijual dengan harga yang tidak melebihi RM42,000.00; atau
- (b) sekiranya terletak di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, dijual dengan harga yang tidak melebihi RM47,000.00.

## Pembatalan

3. Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 39) 2002 [P.U. (A) 425/2002] yang disiarkan dalam *Warta* pada 24 Oktober 2002 dibatalkan.

## JADUAL

- (a) Semua surat cara Perjanjian Jual Beli yang disempurnakan antara pembeli dengan pemaju pada atau selepas 1 Julai 2002.
- (b) Semua surat cara yang menguatkuasakan pindah hakmilik harta itu daripada pemaju atau tuan punya tanah yang berdaftar kepada pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a).
- (c) Semua surat cara dalam bentuk cagaran yang disempurnakan antara pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a) dengan suatu bank atau institusi kewangan atau majikan di bawah suatu skim pinjaman perumahan untuk pekerja bagi mendapatkan pendahuluan wang untuk membiayai pembelian harta itu.

Dibuat 27 Januari 2003  
[Perb. CR(8.09) 248/39/7-90 Vol. 5; LHDN .01/34/68-180-1(28/02);  
PN(PU<sup>2</sup>)159/XXVII]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan,

**CHAN KONG CHOY**  
*Timbalan Menteri Kewangan*